

## Senarai dokumen yang perlu dihantarkan kepada kami (Bagi seseorang yang telah meninggal dunia tetapi bukan seorang Muslim)

### Bahagian A - Senarai waris yang mempunyai hak

Sekiranya orang yang telah meninggal dunia telah bermastautin di Singapura, dan tidak membuat penamaan waris yang sah, kami akan mengagihkan wang CPF mereka dan wang dari harta pusaka mereka selaras dengan peraturan pengagihan seperti yang dinyatakan dalam Akta Pewarisan Harta Pusaka Tidak Berwasiat (Bab 146) .

	Orang yang meninggal dunia yang mempunyai:	Peraturan pengagihan	Dokumen yang kami perlukan (rujuk jadual di halaman yang berikut)
1	<b>Seorang suami atau isteri</b> Tiada anak Tiada ibu bapa	Seluruh bahagian kepada suami atau isteri yang masih hidup.	- Jadual 1, 2 - Jadual 3 nombor 1, 4
2	<b>Seorang suami atau isteri</b> <b>Anak</b>	Setengah bahagian kepada suami atau isteri yang masih hidup. Setengah bahagian untuk dikongsi secara sama rata antara anak-anak dan, jika mereka telah meninggal dunia, anak-anak mereka. Ibu bapa tidak ada bahagian.	- Jadual 1, 2 - Jadual 3 nombor 1, 2, 3
3	<b>Anak</b> Tiada suami atau isteri	Seluruh bahagian untuk dikongsi secara sama rata antara anak-anak dan, jika mereka telah meninggal dunia, anak-anak mereka. Ibu bapa tidak ada bahagian.	- Jadual 1, 2 - Jadual 3 nombor 2, 3
4	<b>Seorang suami atau isteri</b> <b>Ibu atau Bapa</b> Tiada anak	Setengah bahagian kepada suami atau isteri yang masih hidup. Setengah bahagian untuk dikongsi secara sama rata antara ibu bapa yang masih hidup.	- Jadual 1, 2 - Jadual 3 nombor 1, 4
5	<b>Ibu bapa</b> Tiada suami atau isteri Tiada anak	Seluruh bahagian untuk dikongsi secara sama rata antara ibu bapa yang masih hidup.	- Jadual 1, 2 - Jadual 3 nombor 4
6	<b>Adik beradik</b> Tiada suami atau isteri Tiada anak Tiada ibu bapa	Seluruh bahagian untuk dikongsi secara sama rata antara adik beradik si mati dan, jika mereka telah meninggal dunia, anak-anak mereka.	- Jadual 1, 2 - Jadual 3 nombor 4, 5, 6
7	<b>Datuk dan nenek</b> Tiada suami atau isteri Tiada anak Tiada ibu bapa Tiada adik beradik	Seluruh bahagian untuk dikongsi secara sama rata antara datuk dan nenek yang masih hidup.	- Jadual 1, 2 - Jadual 3 nombor 4 - Dokumen tambahan akan dimaklumkan oleh pegawai kes
8	<b>Bapa saudara dan ibu saudara</b> Tiada suami atau isteri Tiada anak Tiada ibu bapa Tiada adik beradik Tiada datuk nenek	Seluruh bahagian untuk dikongsi secara sama rata antara bapa saudara dan ibu saudara yang masih hidup.	- Jadual 1, 2 - Jadual 3 nombor 4 - Pegawai kes anda akan memaklumkan anda jika dokumen tambahan diperlukan

Senarai ini adalah sebagai panduan umum. Pegawai kes anda mungkin menghubungi anda untuk dokumen sokongan yang lain.

Anak merujuk kepada seorang kanak-kanak (anak kandung atau anak angkat yang sah) dan keturunan seorang anak yang telah meninggal dunia.

## BAHAGIAN B - JADUAL DOKUMEN

Sila serahkan salinan dokumen-dokumen berikut bersama Borang Permohonan Dalam Talian melalui perkhidmatan elektronik kami di <https://eservices.mlaw.gov.sg/PTO/welcome.xhtml>.

<b>Jadual 1 – Dokumen-dokumen yang kami perlukan</b>	
1)	Sijil kematian si mati
2)	Kad pengenalan, pasport, kad keselamatan sosial (untuk warga AS), kad pilihan raya (untuk warga India) semua waris termasuk orang yang menghantar borang permohonan dalam talian kepada kami
3)	Oleh kerana bayaran akan dibuat secara elektronik, satu salinan halaman depan buku simpanan bank atau penyata bank mesti disediakan. <b>(Nota:</b> Untuk permintaan pembayaran melalui akaun bersama atau akaun bank pihak ketiga, kedua-dua benefisiari dan pemegang akaun mestilah melaksanakan borang tanggung rugi (Borang 15) yang boleh didapati di laman web kami di <a href="https://pto.mlaw.gov.sg/deceased-cpf-estate-monies/forms/">https://pto.mlaw.gov.sg/deceased-cpf-estate-monies/forms/</a> )
4)	Perisytiharan atau testimoni daripada pihak berkuasa yang berkenaan memberikan butir-butir tentang pewaris sah orang yang meninggal dunia (jika mereka tidak bermastautin di Singapura)

<b>Jadual 2 – Dokumen-dokumen yang kami perlukan jika orang yang meninggal dunia pernah berkahwin sebelum ini</b>	
1)	Dekri nisi mutlak (jika orang yang meninggal dunia telah bercerai sebelum ini)
2)	Sijil kematian suami atau isteri (jika orang yang meninggal dunia adalah seorang balu atau duda)

<b>Jadual 3 – Dokumen-dokumen tambahan</b>		
	<b>Hubungan dengan orang yang meninggal dunia</b>	<b>Dokumen-dokumen yang perlu anda sediakan</b>
1	Suami atau isteri	a) Sijil perkahwinan dengan orang yang meninggal dunia (si mati)
2	Anak	a) Sijil perkahwinan si mati b) Sijil kelahiran semua anak-anak si mati c) Surat pengangkatan anak mana-mana anak angkat d) Sijil kematian mana-mana anak yang telah meninggal dunia
3	Cucu (jika ibu atau bapa, yang merupakan anak si mati telah meninggal dunia)	a) Sijil perkahwinan anak si mati b) Sijil kelahiran semua anak-anak kepada anak si mati c) Surat pengangkatan anak mana-mana anak angkat kepada anak si mati d) Sijil kematian mana-mana anak kepada anak si mati (jika anak mereka telah meninggal dunia)
4	Ibu atau Bapa	a) Sijil kelahiran si mati b) Sijil perkahwinan ibu bapa c) Sijil kematian ibu atau bapa yang telah meninggal dunia
5	Adik beradik	a) Sijil kelahiran si mati b) Sijil perkahwinan ibu bapa c) Sijil kelahiran semua adik beradik d) Sijil kematian mana-mana adik beradik yang telah meninggal dunia e) Surat pengangkatan anak mana-mana adik beradik angkat
6	Anak adik beradik (jika adik beradik telah meninggal dunia)	a) Sijil perkahwinan adik beradik yang telah meninggal dunia b) Sijil kelahiran semua anak-anak daripada adik beradik yang telah meninggal dunia c) Surat pengangkatan anak mana-mana anak angkat daripada adik beradik yang telah meninggal dunia d) Sijil kematian mana-mana anak daripada adik beradik yang sudah mati (jika anak tersebut juga telah meninggal dunia)